



Di Chile telah terjadi gempa bumi yang hebat disebabkan beberapa gunung berapi meletus. Gempa itu tidak sahaja membencanakan negeri itu, tetapi juga kepada negeri-negeri yang beratus-ratus ribu batu di seberang lautan Pasifik yang besar itu. Gelombang-gelombang besar telah terjadi sehingga membinasakan beberapa tempat di Jepun. Dunia hairan dan terperanjat. Tetapi orang-orang di dunia masih banyak yang melupakan kekuasaan yang menjadikan kejadian itu. Tidakkah ini satu peringatan menyuruh manusia sedar?

* * *

Speaker negeri Terengganu (PAS) telah menegur pertubuhannya dengan berterus-terang, bahawa selama mereka memerintah dalam sepuluh bulan, hal ehwal rakyat tidak diperhatikan dan janji-janji tidak dijalankan kerana masing-masing mereka berebut tempat dan kedudukan. Benar apa yang dikatakan oleh Speaker ini dan akibat daripada ini bukannya sahaja berbencana kepada PAS sendiri tetapi juga kepada umum umat Islam sebab dengan itu ejekan-ejekan terhadap Islam boleh memerintah telah timbul. Begitu halnya kalau orang PAS sendiri tidak yakin kepada peringatan Nabi: "Sesuatu pekerjaan yang dijalankan oleh orang yang bukan ahlinya jaga kebinasaannya". Kalau hanya ahli bercakap dan tidak terlatih memerintah bung jaga kehancurannya sedang umat Islam terpalit getah angka yang sedang dikoyak oleh PAS. Bagaimana bung doktor!

* * *

Dalam perjalanan mengelilingi dunia, apabila tiba di Hawaii Presiden Soekarno dikatakan telah mengambil peluang mencium wanita (wanita dahulu juga) di hadapan khalayak ramai seperti masa ia pergi ke sana dahulu dalam menyampaikan istiadat orang. Bagus bung Karno tetapi bagaimana pendapat

ulama-ulama dari Nahdah penyokong Sukarno bagaimana petua Kiyai Wahab; gembung Nahdah dalam hal ini kena mata dipicingkan, kena perut dikempiskan! Ya pak-pak Kiyai kerana begitulah barangkali ajaran Islam – *wa Allāhu a'lam*.

* * *

Bersempena keluaran ini kita menyambut pula Hari Raya Haji. Maka pembaca-pembaca kita ucapkan selamat berhari raya dan selamat berkorban. Masing-masing orang banyak yang menyembelih korban hari raya ini tetapi di tempat masing-masing. Kenapa kita tidak mencuba mengadakan korban am di padang. Di tengah-tengah khalayak ramai supaya orang-orang dan anak-anak kita melihat bagaimana darah binatang itu mengalir?

* * *

Cik Hawa dan rakannya Rukyah dikatakan telah pergi ke Balai Polis Geylang kerana menyampaikan suatu rancangan kerana mengurangkan kesibukan lalu lintas di Geylang. Rancangan ini khabarnya dibuat stensil dan dibahagikan kepada am. Ini bagus tetapi tidakkah ada apa-apanya? Dan apakah polis lalu lintas selama ini memejamkan matanya melihat hampir-hampir separuh jalan itu ditutup oleh penjaja-penjaja dan Jabatan Kesihatan membiarkan sahaja kekotoran-kekotoran di luar pasar di dalam pasar tempat menjual makanan rakyat? *Mashā'a Allāh* bung!

* * *

Dengan keluaran ini Qalam telah melihat kerajaan Singapura telah setahun berjalan. Dalam masa itu berbagai-bagai peraturan dan undang-undang dibuat dan yang akhir sekali mengadakan peraturan buat judi raya, iaitu meluluskan orang ramai mengadakan loteri atau membeli loteri-loteri lumba kuda secara am. Bencana judi besar dan kerana itu orang yang telah merasa hidup di dalam pemerintahan sekarang hanya bertanya adakah di harap rakyat akan mendapat aman dan makmur? Harapan ini benar bung! Rakyat tidak mahu tahu siapa yang memerintah – yang dikehendaknya hanya aman, tenteram dan makmur – bilakah ini akan dapat dicapai? Tuan Lee Kuan Yew yang bertanggungjawab di dalam perkara ini – selamat merdeka! Ucapan merdeka dari:

- Cemeti al-Farouk